

**HASIL PEMANTAUAN TERHADAP AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR
AWAM (EKSA)
ZON AUDIT DALAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

TARIKH : 27 Mei 2021 (Khamis)
 MASA : 10.00 Pagi
 AHLI PASUKAN : Puan Mastura Binti Ghazali
 Puan Nor Adillah Binti Abd Jalil
 SKOP AUDIT : Ruang Tempat Kerja/Pejabat dan Peralatan & Kemudahan dan Keselamatan Persekitaran.

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,


YBrs. Dr./Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara tersebut di atas.



2. Sepertimana YBrs. Dr./tuan/puan sedia maklum, aktiviti pemantauan EKSA telah dijalankan pada 27 Mei 2021, bermula jam 10.00 pagi yang meliputi 14 bilik/ruang tempat kerja pegawai yang bertugas pada hari tersebut serta ruang guna sama di Zon Audit Dalam. Secara keseluruhannya, adalah didapati bahawa amalan EKSA di Zon Audit Dalam telah dilaksanakan dengan baik. Namun demikian terdapat beberapa kelemahan dalam amalan EKSA yang perlu diperbaiki dan ditambah baik. Antara perkara yang memerlukan tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

BIL.	AMALAN KURANG BAIK	GAMBAR
1.	Carta Organisasi Cawangan Audit Dalam KKM tidak dikemas kini dan mengambilkira maklumat terkini perjawatan.	 <p style="text-align: center;">Lokasi: Ruang Akhbar Harian, Aras 5 Blok E6</p>
2.	Carta Organisasi Pasukan Bertindak Kebakaran dan Kecemasan tidak dikemaskini dan mengambilkira pelantikan terkini yang telah dikeluarkan.	 <p style="text-align: center;">Lokasi: Ruang Legar, Aras 5 Blok E6</p>





3. Maklumat dan status pergerakan pegawai tidak dikemas kini /disediakan di pintu bilik/ruang kerja pegawai.







Lokasi: Pintu Masuk Bilik Pegawai di Zon Audit Dalam, Aras 5 Blok E6



Lokasi: Pintu Masuk Bilik Pegawai di Zon Audit Dalam, Aras 4 Blok E7

<p>4.</p>	<p>Hiasan yang keterlaluan dan tidak berimej korporat.</p>	 <p>Lokasi: Ruang Kerja Pegawai, Aras 5 Blok E6 dan Aras 4 Blok E7</p>
<p>5.</p>	<p>Banyak kotak dan kasut di bawah meja pegawai. Kasut hanya terhad kepada 3 pasang termasuk yang dipakai.</p>	 <p>Lokasi: Bawah Meja Pegawai, Aras 5 Blok E6</p>
<p>6.</p>	<p>Kabinet fail iaitu fail dokumen tidak disusun dengan kemas dan fail dilabel tidak seragam.</p>	 <p>Lokasi: Kabinet Fail, Aras 5 Blok E6 dan Aras 4 Blok E7</p>
<p>7.</p>	<p>Aset-aset yang hendak dilupuskan diletakkan di atas dan bawah meja pegawai (kosong) di laluan utama.</p>	 <p>Lokasi: Meja Pegawai (kosong), Aras 5 Blok E6</p>

<p>8.</p>	<p>Tiada label bergambar diletakkan di bawah peralatan gunasama.</p>	 <p>Lokasi: Ruang Cetak, Aras 5 Blok E6</p>  <p>Lokasi: Ruang Cetak, Aras 4 Blok E7</p>
<p>9.</p>	<p>Alat pemadam api di Aras 4, blok E7 telah luput tarikh pada 27.08.2020.</p>	 <p>Lokasi: Ruang Legar, Aras 4 Blok E7</p>
<p>10.</p>	<p>Peralatan <i>pantry</i> tidak bersih.</p>	 <p>Lokasi: <i>Pantry</i> Kering, Aras 5 Blok E6 dan Aras 4 Blok E7</p>

3. Secara keseluruhannya, pematuhan terhadap amalan EKSA di Zon Audit Dalam adalah baik. Diharapkan perkara yang dibangkitkan diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya oleh seluruh warga CAD khususnya *Person In Charge* bagi tujuan penambahbaikan serta pemantapan amalan EKSA di Zon Audit Dalam ke tahap yang lebih cemerlang.

4. Pihak Jawatankuasa Audit EKSA Zon Audit Dalam merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua warga Zon Audit Dalam atas kerjasama yang diberikan sepanjang aktiviti pemantauan EKSA dijalankan.

Sekian, terima kasih.

Pasukan Jawatankuasa Audit EKSA
Zon Audit Dalam
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tel: 03-8883 3605